

KENYATAAN AKBAR

43 PROJEK PEMBINAAN TERIMA PENGIKTIRAFAN KUALITI

QLASSIC pacu peningkatan kualiti dalam industri pembinaan Malaysia

Kuala Lumpur, 21 Ogos 2017: Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB) Malaysia meraikan kejayaan 43 pemaju dan kontraktor mencapai skor melebihi 80% berdasarkan Sistem Penilaian Kualiti Dalam Pembinaan (Qlassic) hari ini dengan penyampaian anugerah kepada mereka sempena Hari QLASSIC yang diadakan secara tahunan bagi mempromosikan sistem penilaian tersebut.

Malah, pengiktirafan penggerak industri pembinaan yang berprestasi tinggi merupakan sebahagian usaha CIDB untuk mentransformasikan sektor pembinaan tempatan dengan menggalakkan mereka mempertingkatkan kualiti kerja dalam pembinaan.

Hari QLASSIC 2017 yang berlangsung untuk tahun keempat dirasmikan oleh **Menteri Kerja Raya Dato' Sri Haji Fadillah Haji Yusof**. Turut hadir pada majlis ialah **Ketua Eksekutif CIDB Malaysia Dato' Ir. Ahmad Asri Abdul Hamid**.

Dalam ucapannya, **Dato' Sri Haji Fadillah Haji Yusof**, berkata: "Adalah amat perlu industri pembinaan memustahakkan standard kualiti. Pihak industri, baik sektor swasta atau awam, harus menganggap kualiti sebagai prasyarat untuk penggerak industri beroperasi dan berkembang. Peningkatan tahun ke tahun kadar terima pakai QLASSIC oleh industri adalah petunjuk positif penekanan terhadap kualiti kerja pada standard yang paling tinggi oleh industri."

Sejak diperkenalkan CIDB pada 2007, penggunaan QLASSIC dalam industri meningkat secara konsisten. Statistik 2016 menunjukkan kadar terima pakai telah bertambah dengan 311 projek yang dinilai berbanding 303 pada 2015 dan 272 pada 2014. Setakat ini, jumlah keseluruhan projek yang telah dinilai menggunakan QLASSIC ialah 1,515.

Sempena majlis itu, Menteri Kerja Raya melancarkan Panduan Kualiti Bagi Pemilik-pemilik Rumah yang merupakan kit maklumat mengenai QLASSIC dan bagaimana menilai kualiti rumah berdasarkan kaedah QLASSIC.

“Pada tahun ini, kami bangga dengan peningkatan bilangan projek yang mencapai skor melebihi 80%. Berbanding 2015 dimana 46 projek mendapat skor tinggi, jumlahnya telah meningkat kepada 52. Dengan trend perkembangan QLASSIC kini, kami yakin akan dapat mencapai matlamat kualiti dan keselamatan seperti yang terkandung dalam Program Transformasi Industri Pembinaan (CITP) 2016-2020,” kata **Dato’ Ir. Ahmad Asri Abdul Hamid**.

Perumahan Kinrara Berhad, syarikat I&P Group, mencapai skor QLASSIC tertinggi 85% bagi projek perumahan swasta Bandar Kinrara Fasa 8A5B. Kontraktor projek ialah Vilabina Utara (M) Sdn Bhd manakala syarikat arkitek ialah BEP Arkitek Sdn Bhd.

Sebagai sebahagian Hari QLASSIC, satu forum diadakan bagi membincang pandangan pengguna akhir (end-user) mengenai kualiti pembinaan termasuk cabaran yang dihadapi dan inisiatif-inisiatif yang diambil. Ahli panel forum

“Meningkatkan Kepuasan Pelanggan dengan QLASSIC” termasuk **Datuk Ir. Elias Ismail**, Pengurus Besar Kanan Sektor Teknologi CIDB Malaysia, **Encik Roshan Kshatriya**, Peguam Kanan Persekutuan dan Ketua Bahagian Perundangan dan Tuntutan, Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan, **Encik Chang Kim Loong**, Setiausaha Agung, Persatuan Pembeli-pembeli Rumah Kebangsaan dan **Dato’ Wan Hashimi Albakri**, **Ketua Pengawai Transformasi Sime Darby Property Berhad**. Moderator forum tersebut ialah **Dato’ Ir. Laxana**

Naidu, Pengerusi Jawatankuasa Teknikal, Persatuan Kontraktor Binaan Malaysia (MBAM).

QLASSIC ialah satu sistem dan kaedah mengukur dan menilai kualiti kerja dalam projek pembinaan berdasarkan Construction Industry Standard (CIS 7), dan dilaksana bagi membolehkan perbandingan secara objektif kualiti kerja projek pembinaan melalui sistem pemarkahan.

Untuk maklumat lanjut, sila layari www.cidb.gov.my

Mengenai CIDB

Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB) ditubuhkan menerusi Akta Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan 1994 (Akta 520) bagi membina kapasiti dan kapabiliti industri pembinaan melalui peningkatan kualiti dan produktiviti dengan memberi penekanan kepada professionalisme, inovasi dan pengetahuan ke arah kehidupan yang berkualiti.

#####